

## SARJANA MUDA PENGURUSAN MARITIM

Program ini merupakan di antara program yang telah lama ditawarkan semenjak tahun 2001 yang menjurus kepada bidang maritim dan telah diiktiraf sebagai program profesional daripada *The Chartered Institute of Logistics and Transport Malaysia (CILTM)* mulai tahun 2011. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa program ini merupakan program yang amat kukuh dan mantap yang mana ia seialiran dengan kehendak industri maritim.

## OBJEKTIF PROGRAM

Fokus utama program ini tertumpu kepada aktiviti yang berlaku di sektor pengangkutan maritim dan logistik dengan menekankan kepada pengurusan perkapalan, pelabuhan, pengurusan maritim, operasi maritim, polisi dan undang-undang kelautan. Kepentingan sektor maritim negara serta aktiviti pengangkutan kargo melalui laut yang mencapai kepada tahap kira-kira 85% pengangkutan kargo negara adalah strategik kepada kepentingan nasional dan kesinambungan kepada sistem pengangkutan lain, akan diperhalusi dan diterjemahkan dalam bentuk ilmu pengetahuan dalam program ini yang mana akan menjadi asas kepada pembentukan modal insan yang profesional bagi kemajuan sektor maritim. Bagi menyahut seruan negara ke arah transformasi pendidikan yang berterusan, maka program ini berupaya melengkapkan graduan dengan pengetahuan liberal seperti komunikasi interpersonal, pemikiran kreatif, ilmu pengurusan am dan pengurusan yang berkaitan dengan ilmu maritim. Program ini juga merupakan satu- satunya program pengajian yang ditawarkan di Universiti Awam di Malaysia dan ianya dirancang khusus bagi memenuhi keperluan sumber manusia dan sektor maritim negara. Program ini telah mengorak langkah ke arah pembelajaran berasaskan industri di mana Program Penerapan WBL (*Work Based Learning*) bakal dilaksanakan dan ia akan memberi peluang kepada pelajar menimba pengalaman selama setahun di dua pelabuhan terkemuka Malaysia iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Konsortium Pelabuhan Kuantan. Bagi memperkasakan lagi program ini, *Malaysian Maritime Logistics and Transport Centre (MaLTRaC)* yang merupakan pusat pengangkutan dan logistik maritim telah ditubuhkan dan akan menjadi pusat rujukanserta pendidikan bagi pengumpulan data berkaitan pengangkutan maritim.

## PROSPEK KERJAYA

Melalui kompetensi dalam bidang-bidang pengurusan, operasi maritim, undang-undang laut dan pengangkutan, maka para graduan yang dilahirkan kelak akan dapat memenuhi peluang pekerjaan sebagai pegawai eksekutif dan pegawai pengurusan untuk pelbagai sektor yang berkaitan dengan pengangkutan maritim dan logistik yang kompeten dalam sektor pengangkutan negara. Malahan, peluang kerjaya juga merangkumi di beberapa bidang sektor awam dan swasta. Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) dengan kepujian merupakan program yang telah diakreditasi dan diiktiraf oleh badan profesional *The Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT)*.

Para pelajar yang mengikuti program ini secara automatik akan menjadi ahli bersekutu kepada CILT dan seterusnya akan dinaik taraf menjadi keahlian penuh CILT apabila bergraduasi. Dengan adanya keahlian profesional CILT ini kelak, para pelajar berupaya menembusi peluang pekerjaan bukan sahaja di dalam negara malah di rantau ASEAN serta seluruh dunia kerana keahlian CILT ini diiktiraf di seluruh dunia. Melalui keahlian CILT ini kelak, bakal graduan akan mampu bersaing dengan calon-calon pekerja daripada rantau ASEAN ataupun dari negara-negara membangun. Sehubungan dengan itu melalui pengiktirafan dan akreditasi dari badan profesional CILT ini, program ini akan melahirkan lebih ramai ahli profesional dalam bidang perkapalan, pelabuhan, pengangkutan dan logistik serta dapat membantu membangunkan negara serta serantau melalui sektor perkhidmatan yang memerlukan ramai tenaga pekerja mahir dan profesional.

## SYARAT KEMASUKAN

### Syarat Am Kemasukan Universiti:

- a) Lulus SPM/setaraf dengan baik.
- b) Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/ setaraf atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai.
- c) Mendapat sekurang-kurangnya Band 2 dalam Malaysian University English Test (MUET).
- d) Lulus dalam peperiksaan STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am/Kertas Am, dan Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain.

**atau**

- a) Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat IPTA;

**atau**

- a) Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Asasi UITM dengan mendapat sekurang- kurangnya PNGK 2.00;

### Syarat Khas Program

- a) Kelayakan Minimum Calon STPM/Matrikulasi/Asasi:
  - I. Mendapat Gred B- (NGMP 2.67) dalam salah satu mata pelajaran berikut di peringkat STPM: Geografi, Ekonomi, Perakaunan atau Pengajian Perniagaan.
  - II. Kejujian dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM atau Gred C (NGMP 2.00) dalam Matematik di peringkat STPM/Matrikulasi/Asasi.
  - III. Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM.
- b) Kelayakan Setaraf
  - I. Matrikulasi atau diploma dalam bidang yang sesuai (minimum CGPA 3.00) dari institusi yang diiktiraf.
- c) Kelayakan Syarat Muet

### Syarat Kemasukan Pelajar Antarabangsa

- a) General Requirements
  - I. Senior High School/Senior Secondary School/ Other Certificates from the government schools (with the period of at least 11 to 12 years of study from primary to higher secondary); OR
  - II. GCE A' Level examination obtained at one sitting, OR
  - III. Any other certificate that is recognized by the Senate of the University as equivalent to the above

**AND**

- b) Language Requirements
  - I. Pass the Test of English Language as a Foreign Language (TOEFL) at least 550, OR
  - II. Pass the International English Language Testing System (IELTS) at least 5.5, OR
  - III. Pass the Malaysian University English Test (MUET at least Band 3)

\* Applicants from the country where the official language is English Language must obtain at least credit in English Language Paper at higher secondary school level.

**AND**

- c) Programme's Specific Requirements.

## Jumlah Kredit untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 130 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit/Program		
	UMT/ WBL	UMT-MCEM	IDP
Kursus Teras Universiti	20 (15%)	18 (14%)	<b>18 (14%)</b>
Kursus Teras Program	97 (75%)	97 (75%)	<b>97 (75%)</b>
Kursus Elektif	13 (10%)	15 (11%)	<b>15 (11%)</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>130 (100%)</b>	<b>130 (100%)</b>	<b>130 (100%)</b>

**SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM) DENGAN KEPUJIAN  
SESI 2020/2021**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
<b>SEMESTER 1</b>				<b>SEMESTER 2</b>			
MMM3503	Pemasaran Perkhidmatan Maritim	3(3+0)	-	MPU3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2(0+2)	-
MMM3502	Prinsip Pengurusan Maritim	3(3+0)	-	ECO3100	Gayacara Pemikiran Ekonomi	3(3+0)	-
ACC3100	Perakaunan Perniagaan	4(4+0)	-	MMM3405	Statistik dan Perniagaan Maritim	3(3+0)	-
MMM3001	Maritime English	3(3+0)	-	COM3103	Komunikasi Perniagaan	3(3+0)	-
CCXXX	Ko-kurikulum	2(0+2)	-	MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)	-
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	-	BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	-
MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2 (2+0)	-	NCC3053	Kenegaraan Malaysia	3(3+0)	-
<b>JUMLAH</b>		<b>19</b>		<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>	
<b>SEMESTER 3</b>				<b>SEMESTER 4</b>			
MMM3501	Sistem Maklumat Maritim	3(3+0)	-	MMM3406	Perdagangan Maritim	3(3+0)	-
MMM3101	Pengangkutan Multimodal	3(3+0)	-	MMM4309	Pengangkutan Barang Melalui Laut	4(4+0)	-
MMM3407	Ekonomi Perkapalan	3(3+0)	-	MNS4301	Operasi Kargo Marin	3(3+0)	-
MMM4504	Pengurusan Sumber Manusia Maritim	3(3+0)	-	MMM4901	Kaedah Penyelidikan Maritim	3(3+0)	-
MMM3301	Undang-undang Admiralti	3(3+0)	-	MMM4306	Polisi dan Pengurusan Marin	4(4+0)	-
MMM4204	Pengurusan Pelabuhan dan Perkapalan	4(4+0)	-		Elektif 1	3	-
<b>JUMLAH</b>		<b>19</b>		<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>	
<b>SEMESTER 5</b>				<b>SEMESTER 6</b>			
MMM4201	Broker dan Cartar Kapal	3(3+0)	-	MMM4505	Pengurusan Strategik Maritim	3(3+0)	-
MMM4307	Insuran Marin	4(4+0)	-	MMM4105	Pengurusan Logistik dan Distributif	4(4+0)	-
MNS4201	Keselamatan Maritim	3(3+0)	-	BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)	-
MMM4304	Undang-undang Laut Antarabangsa	4(4+0)	-	MMM4999A	Projek Ilmiah Tahun Akhir 2	4(0+4)	MMM4998A (wajib lulus)
MMM4998A	Projek Ilmiah Tahun Akhir 1	2(0+2)	-		Elektif 3	3	
	Elektif 2	4	-		Elektif 4	3	
<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>		<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>	
<b>SEMESTER 7</b>							
MMM4992A	Latihan Industri	12(0+12)					
<b>JUMLAH</b>		<b>12</b>					
<b>JUMLAH KREDIT KESELURUHAN</b>		<b>130</b>					

Rujukan: Kelulusan Senat UMT kali ke-125 Bil. 5 Tahun 2020

**SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM) DENGAN KEPUJIAN  
PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA (WBL)  
SESI 2020/2021**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
<b>SEMESTER 1</b>				<b>SEMESTER 2</b>			
MMM3503	Pemasaran Perkhidmatan Maritim	3(3+0)	-	MPU3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2(0+2)	-
MMM3502	Prinsip Pengurusan Maritim	3(3+0)	-	ECO3100	Gayacara Pemikiran Ekonomi	3(3+0)	-
ACC3100	Perakaunan Perniagaan	4(4+0)	-	MMM3405	Statistik & Perniagaan Maritim	3(3+0)	-
MMM3001	Maritime English	3(3+0)	-	COM3103	Komunikasi Perniagaan	3(3+0)	-
CCXXX	Ko-kurikulum	2(0+2)	-	MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)	-
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	-	BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)	-
MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2 (2+0)	-	NCC3053	Kenegaraan Malaysia	3(3+0)	-
<b>JUMLAH</b>		<b>19</b>		<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>	
<b>SEMESTER 3</b>				<b>SEMESTER 4</b>			
MMM3501	Sistem Maklumat Maritim	3(3+0)	-	MMM3406	Perdagangan Maritim	3(3+0)	-
MMM3101	Pengangkutan Multimodal	3(3+0)	-	MMM4309	Pengangkutan Barang Melalui Laut	4(4+0)	-
MMM3407	Ekonomi Perkapalan	3(3+0)	-	MNS4301	Operasi Kargo Marin	3(3+0)	-
MMM4504	Pengurusan Sumber Manusia Maritim	3(3+0)	-	MMM4901	Kaedah Penyelidikan Maritim	3(3+0)	-
MMM3301	Undang-undang Admiralti	3(3+0)	-	MMM4306	Polisi dan Pengurusan Marin	4(4+0)	-
MMM4204	Pengurusan Pelabuhan dan Perkapalan	4(4+0)	-	MMM4505	Pengurusan Strategik Maritim	3(3+0)	-
<b>JUMLAH</b>		<b>19</b>		<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>	
<b>SEMESTER 5</b>				<b>SEMESTER 6</b>			
MMM4105	Pengurusan Logistik dan Distributif	4(4+0)	-	MMM4201	Broker dan Cartar Kapal	3(3+0)	-
MMM4307	Insuran Marin	4(4+0)	-	MMM4999A	Projek Ilmiah Tahun Akhir 2	4(0+4)	MMM4998A (wajib lulus)
MNS4201	Keselamatan Maritim	3(3+0)	-		Elektif 1	3	-
MMM4304	Undang-undang Laut Antarabangsa	4(4+0)	-		Elektif 2	4	-
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)	-		Elektif 3	3	-
MMM4998A	Projek Ilmiah Tahun Akhir 1	2(0+2)	-		Elektif 4	3	-
<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>		<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>	
<b>SEMESTER 7</b>							
MMM4992A	Latihan Industri	12(0+12)	-				
<b>JUMLAH</b>		<b>12</b>					
<b>JUMLAH KREDIT KESELURUHAN</b>		<b>130</b>					

Rujukan: Kelulusan Senat UMT kali ke-125 Bil. 5 Tahun 2020

**KURSUS TERAS UNIVERSITI**

<b>No</b>	<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
1	BBB3013	Academic Writing Skill	3
2	BBB3033	English For Occupational Purpose	3
3	KK	Kokurikulum	2
4	MPU3223	Asas Keusahawanan	3
5	MPU3132	Penghayatan Etika Dan Peradaban	2
6	MPU3142	Falsafah Dan Isu Semasa	2
7	MPU3312	Apresiasi Alam Dan Warisan Laut	2
8	NCC3053	Kenegaraan Malaysia	3
		<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>

## International Degree Programme Scheme (IDP)

Code	Semester 1	Credit Hours	Code	Semester 2	Credit Hours
MPU3172	Malaysian Studies	2	MPU3312	Appreciation of Nature and Ocean Heritage	2
MMM3503	Maritime Services Marketing	3	MMM3406	Maritime Trade	3
MMM3502	Principles of Maritime Management	3	ECO3100	Economic Way of Thinking	3
ACC3100	Business Accounting	4	MMM3405	Maritime Business and Statistics	3
MMM3001	Maritime English	3	COM3103	Business Communication	3
MPU3143	Communicative Malay Language	3	BBB3102	Public Speaking	3
	Co-Curriculum	2	BBB3101	Academic Writing Skills	3
<b>Total</b>		<b>20</b>	<b>Total</b>		<b>20</b>
Code	Semester 3	Credit Hours	Code	Semester 4	Credit Hours
MMM3501	Maritime Information System	3	BBB3103	English for Occupational Purposes	3
MMM3101	Multimodal Transportation	3	MMM4309	Carriage of Goods by Sea	4
MMM3407	Shipping Economics	3	MNS4301	Marine Cargo Operation	3
MMM4504	Maritime Human Resource Management	3	MMM4901	Maritime Research Methods	3
MMM3301	Admiralty Law	3	MMM4306	Policy and Marine Management	4
MMM4204	Shipping and Port Management	4		Elective 1	3
<b>Total</b>		<b>19</b>	<b>Total</b>		<b>20</b>
Code	Semester 5	Credit Hours	Code	Semester 6	Credit Hours
MMM4201	Ship Brokers and Charters	3	MMM4505	Maritime Strategic Management	3
MMM4307	Marine Insurance	4	MMM4105	Logistics Management and Distribution	4
MNS4201	Maritime Safety	3	MMM4999A	<b>Final Year Project II</b>	4
MMM4303	International Law of the Sea	4		Elective 3	3
MMM4998A	<b>Final Year Project 1</b>	2		Elective 4	3
	Elective 2	3		Elective 5	3
<b>Total</b>		<b>19</b>	<b>Total</b>		<b>20</b>
Code	Semester 7	Credit Hours			
MMM4992A	Industrial Training	12			
<b>Total</b>		<b>12</b>			
<b>TOTAL CREDIT HOURS = 30</b>					

## UMT-MCEM Programme Scheme

Code	Semester 1	Credit Hours	Code	Semester 2	Credit Hours
MPU3172	Malaysian Studies	2	PAL3203	Personal Finance	2
MMM3503	Maritime Services Marketing	3	MMM3406	Maritime Trade	3
MMM3502	Principles of Maritime Management	3	ECO3100	Economic Way of Thinking	3
ACC3100	Business Accounting	4	MMM3405	Maritime Business and Statistics	3
MMM3001	Maritime English	3	COM3103	Business Communication	3
MPU3223	Basic Entrepreneurship	3	BBB3102	Public Speaking	3
CCK2001	Co- Curriculum (Public Oratory )	2	BBB3101	Academic Writing Skills	3
<b>Total</b>		<b>20</b>	<b>Total</b>		<b>20</b>
Code	Semester 3	Credit Hours	Code	Semester 4	Credit Hours
MMM3501	Maritime Information System	3	BBB3103	English for Occupational Purposes	3
MMM3101	Multimodal Transportation	3	MMM4309	Carriage of Goods by Sea	4
MMM3407	Shipping Economics	3	MNS4301	Marine Cargo Operation	3
MMM4504	Maritime Human Resource Management	3	MMM4901	Maritime Research Methods	3
MMM3301	Admiralty Law	3	MMM4306	Policy and Marine Management	4
MMM4204	Shipping and Port Management	4		Elective 1	3
<b>Total</b>		<b>19</b>	<b>Total</b>		<b>20</b>
Code	Semester 5	Credit Hours	Code	Semester 6	Credit Hours
MMM4201	Ship Brokers and Charters	3	MMM4505	Maritime Strategic Management	3
MMM4307	Marine Insurance	4	MMM4105	Logistics Management and Distribution	4
MNS4201	Maritime Safety	3	MMM4999A	<b>Final Year Project II</b>	4
MMM4303	International Law of the Sea	4		Elective 3	3
MMM4998A	<b>Final Year Project I</b>	2		Elective 4	3
	Elective 2	3		Elective 5	3
<b>Total</b>		<b>19</b>	<b>Total</b>		<b>20</b>
Code	Semester 7	Credit Hours			
MMM4992A	Industrial Training	12			
<b>Total</b>		<b>12</b>			
<b>TOTAL CREDIT HOURS= 130</b>					

## **KURSUS ELEKTIF (13 JAM KREDIT)**

<b>No</b>	<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
1	MMM3201	Sistem Kontena	3 (3+0)
2	MMM3202	Pengurusan Liner	3 (3+0)
3	MMM3203	Geografi Pelabuhan	3 (3+0)
4	MMM3308	Hubungan Diplomasi Antarabangsa Maritim	3 (3+0)
5	MMM3404	Peraturan Kastam Dan Rentas Sempadan	3 (3+0)
6	MMM3601	Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Maritim	3 (3+0)
7	MMM3602	Pengurusan Risiko Dalam Raantaian Bekalan Maritim	4 (4+0)
8	MMM4106	Salvaj Marin	4 (4+0)
9	MMM4301	Polisi Dan Pentadbiran Perkapalan	4 (4+0)
10	MMM4302	Polisi Dan Undang-undang Sumber Akuatik	4 (4+0)
11	MMM4303	Pengurusan Pencemaran Marin	4 (4+0)
12	MNS4202	Komunikasi Maritim	3 (2+1)
13	MNS4207	Pengurusan Keselamatan Maritim Dan Analisa Risiko	3 (3+0)

## **KURSUS TERAS SARJANA MUDA PENGURUSAN MARITIM**

<b>No</b>	<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
1	ACC3100	Perakaunan Perniagaan	4
2	ECO3100	Gayacara Pemikiran Ekonomi	3
3	COM3103	Komunikasi Perniagaan	3
4	MMM3406	Perdagangan Maritim	3
5	MMM3407	Ekonomi Perkapalan	3
6	MMM3502	Prinsip Pengurusan Maritim	3
7	MMM3001	Maritime English	3
8	MMM4105	Pengurusan Logistik dan Distributif	4
9	MMM3101	Pengangkutan Mutimodal	3
10	MMM4201	Broker dan Charter Kapal	3
11	MMM4204	Pengurusan Pelabuhan dan Perkapalan	4
12	MMM4304	Undang-Undang Laut Antarabangsa	4
13	MMM4309	Pengangkutan Barang Melalui Laut	4
14	MMM4307	Insuran Marin	4
15	MMM4306	Polisi dan Pengurusan Marin	4
16	MMM3405	Statistik dan Perniagaan Maritim	3
17	MMM3501	Sistem Maklumat Maritim	3
18	MMM4505	Pengurusan Strategik Maritim	3
19	MMM4504	Pengurusan Sumber Manusia Maritim	3
20	MMM3301	Undang-undang Admiralti	3
21	MMM3503	Pemasaran Perkhidmatan Maritim	3
22	MMM4901	Kaedah Penyelidikan Maritim	3
23	MMM4998	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2
24	MMM4999	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4
25	MMM4992	Latihan Industri	12
26	MNS4301	Operasi Kargo Marin	3
27	MNS4201	Keselamatan Marin	3
<b>JUMLAH</b>			<b>97</b>

---

## **SINOPSIS KURSUS**

### **PROGRAM SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

---

**MMM3001      Maritime English**

Jam Kredit      : 3 (3+0)

Prasyarat      : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar dalam meningkatkan kecekapan komunikasi Bahasa Inggeris ke peringkat yang membolehkan mereka memenuhi kehendak Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Kod STCW 1995. Kursus ini juga menggabungkan tiga sistem tatabahasa, perbendaharaan dan pengucapan dengan empat amalan kemahiran komunikasi iaitu mendengar, menyebut, membaca dan menulis.

**MMM3101      Pengangkutan Multimodal**

Jam Kredit      : 3 (3+0)

Prasyarat      : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang pengangkutan. Penekanan diberikan terhadap aspek perhubungan dalam pengangkutan, hinggalah kepada faktor yang mempengaruhi permintaan terhadap pengangkutan. Komponen fizikal dan sifat-sifat sistem pengangkutan, sistem pemilihan mod pengangkutan, pihak berkuasa dan badan perlindungan hak pengguna, pentadbiran dan kewangan dalam organisasi pengangkutan juga turut dibincangkan.

**MMM3201      Sistem Kontena**

Jam Kredit      : 3 (3+0)

Prasyarat      : Tiada

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman dan membuat analisa tentang sistem dan pengaturan kontena. Kursus ini juga menitikberatkan perihal perkakasan dan sistem jaringan dalam perancangan, pengaturan dan penghantaran jarak jauh. Ianya merangkumi aspek peralatan kendalian, teknologi, pemuatan, sistem pengudaraan kargo and keselamatan.

**MMM3202      Pengurusan Liner**

Jam Kredit      : 3 (3+0)

Prasyarat      : Tiada

Peraturan dan dasar perkapalan liner. Konferensi perkapalan dan perjanjian pengumpulan. Aspek pengurusan komersial dalam perkapalan liner. Pilihan kapal liner dan perbelanjaan kredit modal. Program pelayaran dan penjadualan. Pengurusan kewangan dan pentadbiran. Isu semasa dan perkembangan teknologi.

**MMM3203            Geografi Pelabuhan**

Jam Kredit            : 3 (3+0)  
Prasyarat            : Tiada

Kursus ini direka untuk memberi pemahaman tentang sistem pelabuhan dan pengenalan kepada komponen-komponen yang terlibat dalam operasi di pelabuhan. Memberi pemahaman terhadap interaksi sistem pelabuhan dengan komponen 'inland' dan sekitarnya. Penekanan juga diberikan terhadap keupayaan sistem pelabuhan untuk berubah selaras dengan perdagangan antarabangsa yang dinamik.

**MMM3301            Undang-undang Admiralti**

Jam Kredit            : 3 (3+0)  
Prasyarat:            Tiada

Pengenalan kepada konsep Admiralti yang terdiri daripada konsep bidang kuasa dan tempat pemakaian Undang-undang Admiralti, pengambilan pemilikan atas kapal, undang-undang keselamatan dalam pelayaran dan liabiliti dan kemudahan di laut dan pelabuhan.

**MMM3308            Hubungan Diplomasi Antarabangsa Maritim**

Jam Kredit            : 3 (3+0)  
Prasyarat            : Tiada

Kursus ini menerangkan konsep Hubungan Maritim Antarabangsa dan Kedaulatan yang melibatkan Konsep Hubungan Antarabangsa, Dasar Maritim Antarabangsa dan Kedaulatan, Peraturan Timbang Tara Maritim dan Dasar Persaingan Antarabangsa, Institusi Maritim Antarabangsa, Kajian Kes Kedaulatan dan Rundingan Tertinggi Dua Negara. Teori dan konsep Dasar Luar Negara melalui Hubungan Antarabangsa berteraskan Bilateral, Multilateral dan serantau di ketengahkan bagi menjawab persoalan berkaitan asas kepada Hubungan Maritim Antarabangsa.

**MMM3404            Peraturan Kastam dan Rentas Sempadan**

Jam Kredit            : 3 (3+0)  
Prasyarat            : Tiada

Kursus ini menerangkan konsep Peraturan Kastam dengan transaksi barangan dagangan merentas sempadan dan Kedaulatan yang melibatkan Konsep Hubungan Kastam Antarabangsa, Dasar Kastam Antarabangsa dan Kedaulatan, Peraturan Asal Barangan, Konvensyen Kastam (Kyoto), Institusi Kastam Antarabangsa, Kajian Kes berkaitan barangan larangan kastam dan Rundingan Tertinggi Dua Negara dan Pelbagai Negara yang melibatkan urusan kastam. Teori dan konsep Pengkastaman Nasional melalui Hubungan Kastam Antarabangsa berteraskan Bilateral, Multilateral dan serantau untuk di ketengahkan bagi menjawab persoalan berkaitan asas kepada Hubungan Kastam Antarabangsa dan Perdagangan Rentas Sempadan.

**MMM3405            Statistik dan Perniagaan Maritim**

Jam Kredit            : 3 (3+0)

Prasyarat            : Tiada

Kursus ini mendedahkan para pelajar mengenai konsep-konsep asas statistik untuk diaplikasikan ke dalam pengurusan maritim. Tumpuan statistik perihalan adalah seperti meringkaskan dan mempersembahkan data, manakala bagi statistik penakbiran, ia merangkumi tajuk-tajuk seperti taburan pensampelan, penganggaran, pengujian hipotesis satu dan dua populasi, regresi linear mudah dan korelasi serta regresi berbilang.

**MMM3406            Perdagangan Maritim**

Jam Kredit            : 3 (3+0)

Prasyarat            : Tiada

Kursus ini menawarkan pengetahuan tentang konsep dan amalan sebenar perdagangan maritim di peringkat domestik dan antarabangsa. Dimulai dengan konsep asas dan matlamat perdagangan, para pelajar akan diinputkan dengan para pelakunya, perundangan dan organisasi perdagangan, kaedah pembayaran dan pembiayaan, ciri-ciri pengangkut perkapalan, kategori barangan, dan teknologi sokongan perdagangan maritim.

**MMM3407            Ekonomi Perkapalan**

Jam Kredit            : 3 (3+0)

Prasyarat            : Tiada

Pengenalan kepada ekonomi perkapalan yang merangkumi asas-asas ekonomi, organisasi industri perkapalan, sistem konferans, pasaran perkapalan 'bulk' dan 'dry' dan pembelajaran tentang kos dan strategi penetapan harga. Kursus ini mengambil contoh dari kes perkapalan domestik dan antarabangsa.

**MMM3501            Sistem Maklumat Maritim**

Jam Kredit            : 3 (3+0)

Prasyarat            : Tiada

Merangkumi teori-teori komunikasi yang digunakan dalam organisasi pengangkutan maritim, memahami sistem maklumat elektronik maritim, perkembangan semasa, evolusi perisian yang digunakan dalam industri pengangkutan maritim, teknologi yang digunakan dan juga isu-isu semasa yang berkaitan dengan sistem maklumat pengangkutan maritim.

**MMM3502            Prinsip Pengurusan Maritim**

Jam Kredit            : 3 (3+0)

Prasyarat            : Tiada

Penerangan kepada sektor-sektor dalam industri maritim. Pemahaman terhadap teori, prinsip, teknik dan alat-alat asas pengurusan dengan penumpuan terhadap fungsi-fungsi pengurusan bagi sesebuah organisasi perniagaan dan bukan perniagaan yang berkaitan

dengan industri maritim. Penekanan juga akan diberikan terhadap pendekatan pengurusan yang terancang.

**MMM3503 Pemasaran Perkhidmatan Maritim**

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Pemasaran merupakan fungsi perniagaan yang mengenalpasti keperluan dan kehendak pelanggan, menentukan sasaran pasaran yang terbaik untuk dimasuki, merekabentuk keluaran atau perkhidmatan, dan program-program untuk pasaran logistik dan pengangkutan maritim yang terpilih. Prinsip dan konsep yang berkaitan dengan fungsi pemasaran seperti keluaran/perkhidmatan; pengagihan; promosi; penentuan harga; perancangan, dan pengurusan pemasaran dibincangkan.

**MMM3601 Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Maritim**

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini direka untuk memberi pemahaman tentang ekosistem maritim dan pengenalan kepada komponen-komponen yang terlibat dalam operasi di dalam kluster maritim. Memberi pemahaman terhadap interaksi ekosistem maritim dengan keperluan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Penekanan juga diberikan terhadap keupayaan kluster maritim untuk berubah selaras dengan kebolehsaingan dan perdagangan antrabangsa yang dinamik.

**MMM3602 Pengurusan Risiko Dalam Rantaian Bekalan Maritim**

Jam Kredit : 4 (4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini direka untuk memberi pemahaman kepada pelajar tentang pengurusan risiko di dalam rantaian bekalan maritim. Penekanan diberikan kepada teknik mengurus risiko yang merangkumi beberapa peringkat seperti mengenalpasti risiko, menganalisis, tindak balas dan mencipta daya tahan rantaian bekalan maritim. Beberapa teknik dalam menganalisis risiko di dalam rantaian bekalan juga di perkenalkan kepada pelajar.

**MMM4105 Pengurusan Logistik dan Distributif**

Jam Kredit : 4 (4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan secara keseluruhan konsep logistik dan sistem agihan fizikal. Tumpuan kepada komponen dan peranan logistik dan distributif dalam ekonomi dan organisasi. Perkembangan dan cabaran pengurusan logistik utama dan integrasi aktiviti serta pengurusan rantaian pembekalan termasuk aspek outsourcing. Hubungkait antara aktiviti logistik dengan jumlah keseluruhan kos, prestasi keuntungan syarikat termasuk model strategi keuntungan. Perkhidmatan pelanggan, pengurusan proses pesanan, kaedah pengurusan inventori serta sistem maklumat. Aspek mod pengangkutan termasuk regulasi

dan diregulasi pengangkutan. Interface di antara pengangkutan-logistik-pemasaran. Pembangunan dan menganalisa aspek penyimpanan dan pergudangan bersepadu. Merangkumi aspek pengurusan armada kenderaan (pengangkutan) dan logistik global. Seminar dan lawatan ke pelabuhan, lapangan terbang, organisasi logistik dan syarikat pengangkutan.

**MMM4106          Salvaj Marin**

Jam Kredit        : 4 (4+0)

Prasyarat         : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada unsur-unsur salvaj dan pertimbangan dalam penentuan bayaran; borang-borang perjanjian salvaj yang dipakai dan kewajipan serta tanggungan semua pihak dalam operasi salvaj; Konvensyen Antarabangsa mengenai Salvaj 1989 serta perundangan berkaitan salvaj marin di bawah undang-undang Malaysia. Selain daripada perihal regim undang-undang dan insurans bersabit dengan salvaj marin, kursus ini juga menyentuh soal praktik mengenai salvaj dari segi konsep dan konteks operasinya. Kursus ini juga menyorot institusi penggerak, isu-isu utama, permasalahan serta trend dahulu dan sekarang dalam operasi salvaj termasuk isu keselamatan maritim dan pencemaran.

**MMM4201          Broker dan Cartar Kapal**

Jam Kredit        : 3 (3+0)

Prasyarat         : Tiada

Kursus ini membincangkan tentang maklumat mutakhir pasaran kapal, saluran dan rangkaian pencartaran kapal di seluruh dunia yang perlu diketahui oleh seorang broker. Kursus ini juga berkaitan dengan aspek perundangan, borang piawai cartarparti dengan fasal penting, pengiraan kadar cartar, pembikinan lembaran masa bagi cartar pelayaran dan pengiraan wang demurrage atau despatch.

**MMM4204          Pengurusan Pelabuhan dan Perkapalan**

Jam Kredit        : 4 (4+0)

Prasyarat         : Tiada

Kursus ini memberi kefahaman asas mengenai perbandingan konsep pengurusan dan pentadbiran dalam syarikat awam dan swasta yang berkaitan dengan pelabuhan dan perkapalan. Pengenalan kepada pelabuhan-pelabuhan kargo kontena, pukal, Multi-purpose, LNG dan petrolium, perikanan dan pengkalan tentera laut serta pelabuhan multimodal dari segi pentadbiran dan operasi. Termasuk fasiliti pelabuhan dan aliran kargo trafik. Membandingkan pengurusan aktiviti pelabuhan dan perkapalan lokal dengan negara maju. Pelajar didedahkan kepada peranan Hinterland, Zon Perdagangan Bebas/ Zon Bebas, Pelabuhan Dalam Kering(Inland Dry Port), Hub Port, Feeder Port, Multi-Modalisme, Haulage Industry, Lori Konvensional, inland wáterway dalam industri maritim termasuk agensi sokongan (Swasta dan Kerajaan). Aplikasi mengenai Teori Queu dan analisa ekonomi dan pelaburan dalam pengurusan pelabuhan dan perkapalan. Dibincangkan juga aspek teknikal, operasi, komersial, kewangan, pelaburan dan

pemasaran. Kepentingan mengenai perancangan dan pembangunan pelabuhan serta perkembangan dari aspek ekonomi, sosial, politik dan kewangan. Merangkumi perkhidmatan dan pemasaran pelabuhan dari segi kargo dan perikanan serta lain-lain sumber turut ditekankan. Lawatan ke pelabuhan, syarikat perkapalan, syarikat haulage/ pengangkutan dan seminar.

**MMM4301 Polisi dan Pentadbiran Perkapalan**

Jam Kredit : 4 (4+0)

Prasyarat : Tiada

Peranan dan fungsi perkapalan di dalam perdagangan negara dan juga perdagangan antarabangsa. Polisi perkapalan yang telah wujud di setiap pelusuk dunia dipelajari. Konsep rekaan, penyusunan dan alatan pengendalian kargo di kapal, struktur pengurusan, pemilikan konsortium perkapalan juga dipelajari. Aliran trafik, tarif pelabuhan dan tambang perkapalan juga turut dipelajari. Lawatan juga dianjurkan.

**MMM4302 Polisi dan Undang-undang Sumber Akuatik**

Jam Kredit : 4 (4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar tentang institusi yang bertanggungjawab dalam menggubal undang-undang dan polisi yang berkaitan dengan pengurusan sumber akuatik di peringkat antarabangsa, serantau dan kebangsaan. Pelajar seharusnya berupaya menjelaskan pelbagai peringkat dan fasa dalam proses undang-undang dan polisi yang dibuat di peringkat antarabangsa, serantau dan kebangsaan khususnya yang berkaitan dengan pengurusan sumber akuatik.

**MMM4303 Pengurusan Pencemaran Marin**

Jam Kredit : 4 (4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar tentang pengurusan pencemaran marin. Kursus ini menekankan perkembangan undang-undang, polisi dan perlaksanaannya di peringkat antarabangsa, serantau dan kebangsaan dalam menguruskan pencemaran marin. Topik yang dibincangkan dalam kursus ini termasuk pencemaran yang berlaku di persisiran pantai, pembuangan bahan buangan di laut dan pencemaran dari kapal.

**MMM4304 Undang-Undang Laut Antarabangsa**

Jam Kredit : 4 (4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan rangka perundangan antarabangsa bidang kuasa maritim; bagaimana negara menubuhkan sempadan maritim, hak dan tanggungjawab yang lahir dari zon maritim seperti laut wilayah, zon eksklusif ekonomi dan laut lepas, dan proses penyelesaian pertelingkahan mengenai laut dan sumbernya. Isu semasa yang relevan dengan Malaysia turut diselidiki termasuk isu persempadanan, perikanan, keselamatan

maritim dan pencemaran marin.

**MMM4306            Polisi dan Pengurusan Marin**

Jam Kredit            : 4 (4+0)

Prasyarat             : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan polisi dan perundangan yang dilaksanakan dalam pengurusan marin di peringkat antarabangsa, serantau dan kebangsaan. Ia menekankan kepada pemahaman tentang pengurusan marin secara umum, kegunaan sumber marin, perkembangan dan isu dalam pengurusan marin. Ia menguji bagaimana konsep dan model pengurusan laut seperti pengurusan zon pantai bersepadu, kawasan perlindungan marin dan pengurusan perikanan komuniti berkesan dalam pengurusan pengairan maritim di Malaysia.

**MMM4307            Insuran Marin**

Jam Kredit            : 4 (4+0)

Prasyarat             : Tiada

Pengenalan kepada sejarah awal perkembangan pasaran insuran di London (Lloyd); Prinsip dan amalan insuran marin; kepentingan dan fungsi insuran marin. Pendedahan dan penerangan mendalam juga kepada konsep reinsurance, Warranties, Loss, Protection and Indemnity Club, Tuntutan Maritim, Kesalahan Maritim, dan Salvage Marin.

**MMM4309            Pengangkutan Barang Melalui Laut**

Jam Kredit            : 4 (4+0)

Prasyarat             : Tiada

Pengenalan kepada prinsip amalan undang-undang berkaitan penghantaran barangan melalui jalan laut. Ia meliputi penelitian kepada kontrak penghantaran, obligasi secara tersurat dan tersirat, kontrak charterparty serta perkara yang bersangkutan seperti bills of lading, laycan, layday, demurrage, bayaran penghantaran (freight), proses penyelesaian perbalahan dan tuntutan serta peraturan-peraturan yang digunapakai dalam undang-undang pengangkutan barangan melalui laut.

**MMM4504            Pengurusan Sumber Manusia Maritim**

Jam Kredit            : 3 (3+0)

Prasyarat             : Tiada

Kursus ini memberi penekanan kepada konsep pengantara-muka di antara pengurus sumber manusia dan pengurus lain dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan sumber manusia seperti perancangan gunatenaga, pengambilan pekerja, pemilihan, latihan dan pembangunan, pemberian ganjaran, dan hubungan majikan-pekerja terutamanya di dalam industri perkapalan. Ia menumpukan kepada teknik serta kaedah meningkatkan keberkesanan organisasi melalui amalan-amalan pengurusan sumber manusia yang betul.

**MMM4505            Pengurusan Strategik Maritim**

Jam Kredit            : 3 (3+0)

Prasyarat            : Tiada

Kursus ini merangkumi pemahaman semua fungsi yang digunakan dalam membuat keputusan dan polisi strategik dalam industri maritim. Menfokuskan pada prespektif pengurusan atasan. Topik-topik serta isu-isu semasa termasuk elemen dan proses dalam perancangan strategik, SWOT, Delphi dan analisis persekitaran, profil persaingan kompetitif syarikat, formulasi strategi alternatif, alternatif dan pilihan strategi, pengaplikasian strategi, pengawalan dan penilaian strategi bagi industri maritim.

**MMM4901            Kaedah Penyelidikan Maritim**

Jam Kredit            : 3 (3+0)

Prasyarat            : Tiada

Kursus ini adalah untuk memperkenalkan pelajar kepada asas pengetahuan dalam kaedah penyelidikan maritim, yang mana ianya melibatkan penggunaan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Kandungan kursus ini merangkumi merekabentuk penyelidikan, membuat soal selidik, pengumpulan data, penganalisaan data, penulisan penemuan penyelidikan. Pelajar diperkenalkan juga kepada penulisan laporan akhir dan kertas saranan penyelidikan yang berlandaskan kepada isu-isu berkaitan dengan industri maritim.

**MMM4992A          Latihan Industri**

Jam Kredit            : 12 (0+12)

Prasyarat            : Tiada

Pelajar ditempatkan di agensi kerajaan atau sektor swasta untuk tempoh masa selama 24 minggu pada semester akhir. Latihan ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar. Pelajar diselia oleh organisasi yang berkenaan di samping penyelia universiti.

**MMM4998A          Projek Ilmiah Tahun Akhir I**

Jam Kredit            : 2 (0+2)

Prasyarat            : MMM4901 Kaedah Penyelidikan Maritim (Wajib Ambil)

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan penyelidikan ilmiah di kalangan pelajar-pelajar Jabatan Pengurusan Maritim. Topik penyelidikan ilmiah meliputi pelbagai bidang seperti pengurusan persekitaran laut, pengurusan perkapalan, pengurusan perlabuhan, ekonomi maritim, insuran maritim dan perundangan maritim. Pemilihan topik akan dilakukan oleh pelajar setelah membuat perbincangan dengan penyelia yang pelajar berminat untuk menjalankan projek. Pelajar akan berpeluang mempelajari kaedah penyelidikan yang diperlukan program seperti pakej komputer Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) untuk analisis statistik bagi data penyelidikan.

**MMM4999A      Projek Ilmiah Tahun Akhir II**

Jam Kredit       : 4 (0+4)

Prasyarat        : MMM4998A Projek Ilmiah Tahun Akhir I (Wajib Lulus)

Kursus ini adalah sambungan daripada Projek Ilmiah Tahun Akhir I.

**MNS4301        Operasi Kargo Marin**

Jam Kredit       : 3 (3+0)

Prasyarat        : Tiada

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang sistem dan pengaturan kontena. Kursus ini juga menitikberatkan perihal perkakasan dan sistem jaringan dalam perancangan, pengaturan dan penghantaran jarak jauh. Ianya merangkumi aspek peralatan kendalian, teknologi, pemuatan, sistem pengudaraan kargo and keselamatan.